



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN, 19 JULAI 2021

1	Online bantu jualan kambing
2	Jualan daging lembu sempena Aidiladha perlahan
3	'Tempahan tak sebanyak dulu'
4	Permintaan kambing lembu korban terjejas

OLEH

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Online bantu jualan kambing

ARAU: Husmizar Hussain, 41, dari Jalan Kolam, Kampung Alor Merah di sini yang sebelum ini buntu apabila kambingnya hanya mampu terjual sekitar 30 ekor kini menarik nafas lega apabila dalam tempoh tidak sampai seminggu dia berjaya menjual lebih 120 ekor kambing.

Malah inisiatif baharu yang diketengahkan dengan berniaga kambing secara dalam talian mendapat sambutan cukup hebat khususnya memabatkan pelanggan yang tidak dapat pulang ke Perlis.

Katanya, mereka memberi amanah kepadanya mengagihkan bahagian-bahagian kambing korban tersebut sempena sambutan Hari Raya Aidiladha Selasa ini kepada fakir miskin sekitar negeri ini.

"Alhamdulillah selepas tersiarnya berita mengenai inisiatif saya berniaga kambing korban di akhbar *Utusan Ma-*

laysia minggu lalu, jualan saya mula meningkat daripada 30 ekor sebelum ini kepada lebih 120 ekor," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Pada 6 Julai lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam tempoh pandemik Covid-19 ketika ini, kambing peliharaan Husmizar hanya mampu terjual sekitar 30 ekor.

Tambah Husmizar, setakat ini masih ada sekitar 30 ekor termasuk kambing kesayangannya seberat 100 kilogram sedia untuk dilepaskan kepada pelanggan.

"Bagi mereka yang ingin membuat tempahan masih boleh berbuat demikian dengan melayari laman Facebook saya, Husmizar Hussain atau Instagram, *susukambingsegar.perlis* atau terus menghubungi talian 013-4560789," kata bapa kepada empat orang anak itu.



HUSMIZAR Hussain (tengah) bersama abangnya, Husmizal (kiri) memasukkan kambing yang ditempah pelanggan ke dalam lori di Jalan Kolam, Kampung Alor Merah, Arau, Perlis. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MITALIB

Jualan daging lembu sempena Aidiladha perlahan

KISAH 6

GOMBAK

- Jualan daging lembu untuk persiapan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini agak perlahan.

Bagaimanapun, menurut seorang peniaga daging, Mohd Azhar Arif Ibrahim, 31, sambutan orang awam membeli daging kali ini lebih baik berbanding tahun lepas iaitu ketika di awal kemunculan Covid-19.

Menurutnya, mengambil pengalaman daripada tahun lepas, perniagaan pada tahun ini lebih baik dan lancar dengan jumlah pelanggan juga terkawal.

"Tahun lepas banyak sekatan, tak boleh berniaga dan banyak prosedur jadi untuk mengambil stok di Pahang

mengalami sedikit kesukaran selain kami banyak menumpukan jualan secara dalam talian.

"Pada tahun ini, kami sebolehnya mengelak pembeli beratur panjang atau bersesak bagi mengelak pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.

Katanya, dia tidak meletakkan sasaran tinggi jualan untuk Aidiladha pada tahun ini dengan mengurangkan jumlah daripada lima ekor kepada tiga ekor lembu.

Sementara itu, suri rumah Awin Rashid, 47, berkata dia tidak bercadang membeli dalam kuantiti daging yang banyak seperti hari raya sebelum ini.



Keadaan di tapak niaga daging milik Mohd Azhar sekitar jam 8 pagi pada Ahad.



'Tempahan tak sebanyak dulu'

Permintaan untuk kambing biri-biri korban pada tahun ini berkurangan

JOHOR BAHRU

Pelaksanaan ibadah korban pada tahun ini sedikit suram dengan jumlah tempahan kambing dan biri-biri semakin berkurangan. Pembebel kambing, Osman Gooi Farm (OGF) yang berpusat di Johor Bahru misalnya hanya menerima tempahan sebanyak 950 ekor, berbanding 1,500 ekor pada tahun lepas.

KISAH 2



Osman (kanan) memegang seekor Pusa Jabor, Bekas Agrib Kanan Myles Priety yang mendapat tempahan ke Osman Gooi Farm.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Osman Ogoi Kury, 52, berkata, sebelum pandemik Covid-19, jumlah tempahan yang diterimanya antara 2,000 ke 3,000 ekor kambing dan biri-biri untuk digunakan sebagai korban.

"Tempahan yang diterima memang tidak se-meriah seperti dahulu. Jika dahulu, memang meriah terjeq dengan kecahan sebarang pesertanya berjeza.

"Jumlah ini sekurang-kurangnya kurang ketara

kami utamakan pelaksanaan korban wajib dan korban mazar sebagai seperti yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Johor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor.

"Pembelian dalam kuantiti yang besar seperti 20 hingga 30 ekor juga kami terpaksa tidak untuk memberi balikan kepada korban wajib dan korban mazar," katanya kepada Sinar Harian.

Jelas Osman, OGF mengangkuai 1,000 ekor kambing yang diperolehi adalah dari bekalan kambing yang diperoleh melalui dari Australia dan hasil daripada pembelian di dalam OGF.

Antara baka kambing dan biri-biri yang disediakan ialah kambing tempatan, Boer, biri-biri Damara (Khas), Dwyer, Mexico dan Santa hoes (hasil tempahan OGF) yang berharga antara RM4950 hingga RM11,800 mengikut saiz.

"Sebagai pemodahan bagi pelaksanaan ibadah korban, OGF yang diberikan kebenaran untuk melaksanakan program korban terpaksa mengupayakan kepada 20 orang pekerja sahaja dalam kawasan rumah scribbleh pada satu-satu masa.

MENDAMAI KORBAN COVID-19. APA TINDAKAN KITA?

LAPORAN MUKA DEPAN

"Kita melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat berbanding tahun lepas dan ia berbeza dengan SOP Majlis Kevelamatan Negara (MKN).

"Semasa pelaksanaan korban nanti, kami akan pastikan satu pesetanya sebarang sahaja wakil yang diminta untuk hadir pada hari tersebut.

"Berbekalkan pengalaman tahun lepas, SOP yang kami laksanakan ini sangat membantu bukan sahaja untuk mengenal kesesakan bagi membolehkan proses penyembelihan," ujarnya.

Tambah Osman, untuk meningkatkan bilangan pelanggan di dalam kawasan OGF pada satu-satu masa, pihaknya menggunakan sistem nombor giliran dengan hanya membolehkan 30 peserta korban dalam kawasan belang OGF dan 10 orang peserta sahaja di kawasan rumah scribbleh pada satu-satu masa.

Selain itu, pihaknya mendapat bantuan dari Balai Polis Bandar Dairi Onn untuk mengenal kecahan di dalam kawasan OGF.

"Balai itu sahaja, kami juga mohon kerjasama Bekas (Jabatan Sakerawatan Malaysia) untuk bantu menguruskan dalam mengawal prosedur korban," jelasnya.

Permintaan kambing, lembu korban terjejas

Padang Besar: Dengan Aidiladha yang bakal disambut esok, pembekal lembu dan kambing di Perlis bergelut untuk menyediakan bekalan lembu serta kambing kepada pelanggan bagi memastikan tiada berlakunya lambakan bekalan haiwan berkenaan pada musim perayaan ini.

Dengan keadaan penularan jangkitan pandemik Covid-19 yang belum menampakkan tanda untuk surut serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menyebabkan ibadah korban perlu dijalankan dalam skala kecil serta perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Seorang pembekal lembu dan

kambing, Zulkifli Saad, 33 berkata, situasi penularan jangkitan Covid-19 yang melanda negara pada waktu ini ternyata menyebabkan pendapatannya terjejas.

“Dengan pelaksanaan PKP yang tidak membenarkan majlis kenduri serta ibadah korban dilakukan dalam keadaan terhad juga menjejaskan permintaan bekalan lembu dan kambing di kandang saya ini.

“Jika dilihat balik sebelum bermulanya pandemik Covid-19 ini serta pelaksanaan PKP di negara ini, permintaan terhadap lembu untuk dibuat kenduri akikah dan kenduri perkahwinan atau ibadah korban adalah sekitar 100 hingga 200 ekor,” katanya ketika ditemui di kandang lembu dan kambing miliknya di Kampung Kubang Perun, Chuping di sini, semalam.

Ibadah korban perlu dijalankan dalam skala kecil